

19.5.2023

## KENYATAAN MEDIA

oleh Ir. PATHMANATHAN K.  
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

### NEGERI KECIL DENGAN ISU BESAR AIR: PBAPP BERI TAKLIMAT MENGENAI 6 TOPIK BEKALAN AIR PULAU PINANG KEPADA SPAN

- **Delegasi kerja SPAN yang diketuai oleh Pengerusinya, Tuan Charles Santiago, melawat 3 empangan di Pulau Pinang dan Loji Rawatan Air Sungai Dua.**
- **Topik utama yang dibincangkan: WCP 2030, insiden paras air Sungai Muda, UMBA, SPRWTS, MDEP dan pelan respons Empangan Air Itam.**

PULAU PINANG, Jumaat, 19.5.2023: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) telah memberi taklimat kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mengenai 6 topik utama berkenaan Pulau Pinang.

Taklimat dan perbincangan ini diadakan apabila delegasi SPAN, yang diketuai oleh Pengerusinya, Tuan Charles Santiago, hadir ke Pulau Pinang untuk lawatan kerja selama 2 hari pada 18.5.2023 dan 19.5.2023. Rombongan melawat Loji Rawatan Air Sungai Dua, Empangan Air Itam, Empangan Mengkuang dan Empangan Teluk Bahang.

6 topik yang dibangkitkan oleh PBAPP kepada SPAN adalah:

1.	Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rancangan PBAPP untuk melaksanakan 8 projek bekalan air utama dengan kos keseluruhan RM1.185 bilion bagi memastikan kecukupan bekalan air sehingga 2030.</li> </ul>
2.	Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rasional bagi SPRWTS dan sebab utama Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP memohon pelaksanaan oleh Kerajaan Persekutuan sebelum 2030.</li> </ul>
3.	Insiden paras air Sungai Muda 14.5.2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kronologi peristiwa dan respons kecemasan PBAPP terhadap insiden di Kedah yang menyebabkan gangguan bekalan air kepada kira-kira 400,000 pengguna air di Pulau Pinang.</li> </ul>
4.	Lembaga Lembangan Ulu Muda (UMBA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penubuhan agensi bebas untuk melindungi dan mengurus Lembangan Ulu Muda (termasuk Sungai Muda) secara profesional untuk kebaikan bersama Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.</li> </ul>

5.	Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP sedang memohon bantuan segera daripada Kerajaan Persekutuan untuk menyiapkan MDEP secepat mungkin supaya Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan dapat berfungsi dengan berkesan dan sepenuhnya sebagai empangan kemarau dan empangan tindak balas kecemasan, serta empangan harian pada masa terdekat.</li> </ul>
6.	Pelan Respons Empangan Air Itam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PBAPP sedang memuktamadkan rancangan untuk mempertahankan kapasiti efektif Empangan Air Itam yang menurun sejak 1.1.2023, disebabkan oleh taburan hujan yang luar biasa rendah dan penggunaan air yang tinggi.</li> </ul>

Dengan memberikan data dan cadangan kepada SPAN, PBAPP berharap badan kawal selia negara itu akan menyokong dan membantu Pulau Pinang dengan memudahkan penyelesaian peringkat Persekutuan tepat pada masanya.

Pulau Pinang adalah negeri kecil yang mempunyai masalah air yang besar. Kami memerlukan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan untuk memastikan Pulau Pinang mempunyai air mentah yang mencukupi dan bekalan air yang stabil untuk semua menjelang 2030 dan seterusnya.

Terima kasih

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)